

Analisis Personaliti “*Mat Rempit*” Berdasarkan Ujian Unjuran Personaliti

Yohan Kurniawan dan Nur Azuki Yusuff
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan

Mat rempit atau mat motor atau *samseng jalanan* merupakan fenomena sosial yang telah lama berlaku di Malaysia. Kumpulan ini tidak sedikit menimbulkan masalah kepada masyarakat, dan pada masa tertentu tindakan mereka adalah merbahaya dan bersifat jenayah. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui dan mengenali personaliti kumpulan mat rempit. Data kajian diperolehi menggunakan kaedah ujian *Draw A Man* (DAM). Responden kajian adalah kumpulan mat rempit berumur 14 tahun – 25 tahun yang mengikuti program Perkasa. Responden diminta untuk membuat sebuah lukisan orang mengikut arahan yang diberikan oleh penyelidik. ujian *Draw A Man* (DAM) merupakan sebuah ujian personaliti yang bersifat *projection* (Unjuran). Alat ujian ini merupakan salah satu ujian psikologi yang bebas daripada pengaruh budaya. Hasil ujian mendapati bahawa sebahagian besar responden menunjukkan ciri-ciri personaliti yang samas seperti sifat kekanak-kanak (kurang matang), kurang kepercayaan diri, memiliki keinginan untuk menjadi dewasa, mempunyai sifat kebergantungan yang kuat, sosok yang lemah dibalik penampilan yang kukuh/keras, dan lemahnya kawalan diri. Daripada tahap kepintaran, sebahagian besar responden memiliki tahap kepintaran normal, walaupun begitu terdapat beberapa responden menunjukkan tahap kepintaran yang rendah. Hasil kajian ini dapat membantu menjelaskan fenomena keterlibatan remaja dalam aktiviti mat rempit.

Katakunci: mat rempit, ujian unjuran personaliti, ujian lukisan manusia (DAM)

1. Pendahuluan

Permasalahan mat rempit merupakan masalah yang telah lama berlaku di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Beberapa waktu lalu bahkan isu mat rempit merupakan isu hangat di Malaysia setelah terjadi beberapa kes jenayah yang melibatkan kumpulan mat rempit. Masyarakat semasa ini mempunyai pandangan yang negatif terhadap kumpulan mat rempit. Mat rempit merupakan istilah di Malaysia untuk seorang individu atau kumpulan yang mengambil bahagian dalam perlumbaan di jalan secara haram. Perlumbaan ini biasanya melibatkan motosikal *underbone* (dikenali sebagai kapcai) atau skuter (wikipedia, 2014). Walaupun Mat rempit sering dikaitkan dengan perlumbaan haram, akan tetapi tidak semua Mat rempit terlibat dalam perlumbaan haram, seringkali mereka turun ke jalanan hanya untuk melakukan atau mempamerkan aksi mereka dalam menaiki motorsikal seperti yang *wheelie*, *superman* (berbaring rata di atas kerusi), *wikang*, dan *kala jengking* (berdiri di atas kerusi dengan sebelah kaki diangkat) (Wikipedia, 2014).

Fenomena mat rempit di Malaysia sering kali dikaitkan dengan pelbagai istilah yang merujuk kepada individu yang terlibat dalam tingkah laku memandu motosikal secara laju dan membahayakan diri dan orang awam seperti ‘mat motor’, ‘pelumba haram’, ‘budak racing’, ‘mat bodoh’, dan bahkan istilah yang terakhir diberikan adalah *samseng jalanan*.

Malah perbincangan mengenai istilah baru untuk menggantikan istilah mat rempit turut mendapat tempat dalam membincangkan isu ini. Mat rempit dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *hell rider* (Rozmi Ismail, 2004: 1), manakala di Indonesia ia dikenali sebagai

'Pembalap Haram'. Kumpulan mat rempit dilihat sebagai sebuah kumpulan yang dianggap agresif, ganas, liar, menakutkan, tidak berpendidikan tinggi dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta memiliki sub-budaya dan organisasi khusus.

Kumpulan mat rempit sering mendapat reaksi negatif ramai anggota masyarakat di sekeliling mereka. Respon pelbagai pihak dalam masyarakat dan sub-budaya yang wujud secara tidak langsung 'mengiktiraf' kehadiran mat rempit di Kuala Lumpur dan ia membantu mengekalkan kewujudan mereka sebagai satu kumpulan dalam masyarakat. Sesetengah individu daripada kumpulan ini juga dikatakan terlibat dengan kes-kes jenayah dan delinkuensi.

Kehadiran kumpulan mat rempit di Kuala Lumpur boleh dilihat dengan ketara di kawasan Dataran Merdeka sebagai lokasi utama dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti di Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, di kawasan-kawasan Bangsar, Ampang, Cheras, Sentul, Kepong, Damansara dan Brickfields (Muhamad Fuad Abdul Karim, etc. 2009). Pelumba-pelumba haram tidak tertumpu di satu-satu kawasan atau negeri, malah didapati aktiviti ini dilaporkan berlaku hampir di seluruh negara. Pihak polis trafik telah membahagikan kawasan perlumbaan kepada beberapa zon iaitu zon tengah, zon utara, zon selaatan, zon Sabah dan zon Sarawak. Zon yang paling banyak sekali kes perlumbaan motorsikal haram adalah zon tengah dan zon utara iaitu meliputi negeri-negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak. Di negeri-negeri lain, perlumbaan haram ini juga ketara berlaku diantaranya di Jalan Tun Razak dan Jalan Bukit Piatu Melaka, sekitar Bandar Kuala Terengganu, Muar Johor dan Seremban (Berita Harian, 22 September 1999; The Sun, 22 September 1999).

Mat rempit biasanya bergerak dalam kumpulan, biasanya mereka berada di pusat-pusat bandar yang sibuk pada malam hujung minggu. Sejak kebelakangan ini, mat rempit seringkali dikaitkan dengan kegiatan samseng, geng rompakan, jalan berjuang, serangan, vandalisme, kecurian dan buli. Kebanyakan motosikal yang digunakan oleh mat rempit tidak memenuhi spesifikasi standard, atau telah diubahsuai dengan meluas untuk kelajuan yang lebih besar, atau hanya untuk membuat ekzos bising.

Isu Mat Rempit

Mat Rempit merupakan individu atau sekumpulan individu yang bermotosikal dan mereka terlibat dengan kegiatan lumba haram. Mat Rempit lebih banyak terdiri daripada golongan muda khususnya remaja lelaki yang berumur 15 hingga 28 tahun dan majoriti mereka adalah Melayu (Muhamad Fuad Abdul Karim, etc. 2009). Kegiatan lumba haram yang dilakukan oleh mereka dianggap amat membahayakan keselamatan mereka sendiri dan orang lain di sekeliling mereka. Mat Rempit bukan sahaja berlumba haram malah mereka berani melakukan aksi-aksi akrobatik dengan memaparkan aksiaksi yang berbahaya dan menggerunkan dengan motosikal yang telah diubahsuai secara haram. Mat Rempit yang terdapat di Kuala Lumpur datang dari berbagai-bagai lokasi dan kawasan di bandar, pinggir bandar dan luar Kuala Lumpur. Mat Rempit mempunyai aktiviti mereka tersendiri termasuk satu sub-budaya yang membezakan diri mereka daripada anggota masyarakat yang lain (Muhamad Fuad Abdul Karim, etc. 2009). Mereka juga menganggotai kumpulan-kumpulan Mat Rempit tertentu yang ditubuhkan sendiri seperti kumpulan Aparche, Bethoven, Pangkah, Night Frolics dan sebagainya. Aktiviti Mat Rempit merupakan perbuatan melanggar undang-undang di Malaysia yang termaktub di bawah Seksyen 42 Akta Pengakutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333) Pindaan 1999.

Perlumbaan yang diadakan oleh kumpulan Mat Rempit ini ada yang terancang masa dan tempat berlumbanya, akan tetapi banyak juga yang tidak dirancang dan melibatkan kenderaan yang dicabar dan pencabar yang berlaku secara tiba-tiba. Biasanya ia tidak melibatkan ganjaran, dan perlumbaan jenis ini hanyalah bertujuan untuk suka-suka dan untuk menyahut cabaran bagi menentukan siapa yang lebih hebat.

Perlumbaan jenis ini juga melibatkan aktiviti yang bertujuan menunjukkan aksi hebat kepada penonton. Terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh kumpulan Mat Rempit sebagai berikut:

- ✓ Wikang (menunggang motorsikal sambil mengangkat tayar di bahagian belakang)
- ✓ Wheelie (menunggang laju sambil mengangkat tayar di bahagian hadapan)
- ✓ Superman (berbaring sambil mengemudi motorsikal)
- ✓ Scorpion (menunggang motosikal sambil kaki menghala di bahagian atas)
- ✓ Pereng/corner (bahagian meletak kaki bergesel di jalan raya ketika menunggang di selekoh)

Banyak kajian telah dijalankan untuk mengenali dan memahami perilaku dan karakteristik mat rempit. Pelbagai program untuk mengubah perilaku mat rempit telah banyak dilakukan. Walaupun banyak kajian dan program telah dijalankan akan tetapi perubahan sikap mat rempit di Malaysia adalah belum signifikan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenali mat rempit secara holistik berdasarkan ujian personaliti yang bebas daripada pengaruh budaya suatu negara.

2. Ujian Personaliti

Ujian personaliti merupakan bahagian ujian atau pengukuran psikologi. Terdapat banyak ujian personaliti, salah satu permasalahan yang dihadapi dalam pembangunan dan penggunaan ujian psikologi. Dalam bahasa Inggeris, personaliti disebut *personality*. Istilah ini berasal dari bahasa Yunani "persona", yang bermaksud topeng. Istilah ini kemudian diterima pakai oleh orang-orang Rom dan mendapatkan konotasi baru iaitu "sebagaimana seseorang nampak di hadapan orang lain". Konotasi ini seakan-akan menunjukkan bahawa personaliti bukanlah diri orang tersebut yang sebenarnya. Kata personaliti mempunyai banyak erti (Paul, 2011).

Sejarah perkembangan penilaian personaliti bermula pada tahun 1880 - an oleh Sir Francis Galton, sepupu dari saintis terkenal Charles Darwin ini merupakan orang yang pertama kali membuat makmal untuk mengukur perbezaan individu (Friedman & Schustack, 2008 dalam Paul, 2011), salah satu hasil terbesar dari penyelidikan yang dilakukannya adalah munculnya teknik soal selidik sebagai prosedur standard dalam kajian personaliti. Seterusnya, G. Stanley Hall memperluaskan kaedah tersebut dengan menggunakan data dari sejumlah orang dewasa, untuk menggambarkan trend perkembangan keperibadian pada remaja (Paul, 2011). Sedangkan inventori pertama yang dibangunkan untuk melakukan penilaian terhadap keperibadian individu adalah the Woodworth Personal Data Sheet (Paul, 2011). Instrumen ini digunakan pertama kali untuk kepentingan Perang Dunia I. Pada waktu itu Jabatan Pertahanan AS ingin mengesan kemungkinan adanya tentera yang gagal di medan perang, namun kaedah wawancara klinikal tidak praktikal untuk diaplikasikan secara besar-besaran (Paul, 2011). Seiring dengan berjalannya masa, item-item dalam Woodworth semakin

maju dan isi kandungannya mula beralih disesuaikan dengan tujuan penggunaannya , mulai dari ukuran secara peribadi mahupun untuk keperluan institusi tertentu . Inventori self - report mula berkembang menjadi pelbagai instrumen dengan beraneka fungsi dan manfaat (Paul, 2011). Beberapa inventori dibangunkan reka bentuk untuk membantu mengenali apakah individu berada dalam julat normal , inventori semacam ini biasanya dimanfaatkan sebagai alat bantu untuk mengukur pemahaman diri , atau untuk membantu kegiatan bimbingan yang dilakukan oleh kaunselor , pendidik , atau pengamal dunia industri (Paul, 2011) . Ada juga inventori yang disusun untuk membantu doktor dalam membuat analisa patologi pada kes - kes klinikal (Cronbach, 1990 dalam Paul, 2011).

Gordon Allport menerangkan keperibadian sebagai "*The dynamic organization within the individual of those psychophysical systems that determine his unique adjustment to his environment*" (organisasi yang dinamik dalam diri individu yang merupakan rangkaian sistem psikofisik yang menentukan keunikan penyesuaian individu terhadap persekitarannya). Kata dinamik menunjukkan bahawa personaliti boleh berubah-ubah, dan antar berbagai komponen personaliti (iaitu sistem-sistem psikofisik) terdapat hubungan yang erat. Hubungan-hubungan itu dianjurkan sedemikian rupa sehingga secara bersama-sama mempengaruhi pola tingkah laku dalam menyesuaikan diri dengan persekitarannya (Ahmadi, 2004 dalam Paul, 2011).

Raymond Cattell mendefinisikan personaliti sebagai sesuatu yang membolehkan kita untuk meramalkan apa yang akan dilakukan oleh seseorang dalam keadaan tertentu. Sedangkan menurut Alfred Adler, personaliti adalah gaya hidup individu atau cara yang khas dari individu tersebut dalam memberikan respons terhadap masalah-masalah hidup. J.P. Chaplin dalam Kamus Psikologi menyebutkan personaliti iaitu integrasi dari sifat-sifat tertentu yang boleh disiasat dan dinyatakan untuk menyatakan kualiti yang unik dari individu (Ahmadi, 2004 dalam Paul, 2011).

Menurut Gregory (Paul, 2011) penilaian personaliti terbahagi menjadi 2 bentuk iaitu teknik proyektif yang tidak berstruktur , yang mendominasi ukuran keperibadian pada awal abad 20 - an , dan yang kedua iaitu pendekatan / kaedah yang berstruktur , seperti inventori self - report dan behavioral ratings , yang mula berkembang pada pertengahan abad 20 dan terus meningkat populariti penggunaannya hingga saat ini .

Teknik proyektif iaitu teknik penilaian yang berusaha mempelajari keperibadian melalui penggunaan rangsangan, tugas, atau situasi yang tidak berstruktur. Disebut proyektif kerana teknik ini membolehkan individu untuk dapat projek motivasi dalam dirinya terhadap alat ujian yang diberikan. Selain membuat lukisan, ujian proyektif juga termasuk bercerita, melengkapkan kalimat , dan merangkai perkataan (Friedman & Schustack , 2008 dalam Paul, 2011) .

Kaedah proyektif terbukti mampu memberikan hasil dengan hipotesis yang lengkap, namun sebahagian besar teknik ini kurang diminati, serta tidak mendapat kelulusan dan sokongan dari para pengamal yang berorientasikan psikometri . Ujian proyektif mendapat sokongan yang luas dari para penyokong teori psikoanalisis kerana teknik ini berusaha untuk menangkap motivasi tidak sedar yang dimiliki oleh individu..

Salah satu teknik proyektif yang banyak digunakan dan sering dipersoalkan , dan sekaligus paling banyak digunakan adalah ujian Rorschach. Ujian Rorschach merupakan ujian proyektif berupa 10 percikan tinta pada kertas yang dibuat oleh seorang psikiater asal Switzerland bernama Hermann Rorschach. 10 percikan tinta itu terdiri dari 5 percikan

berwarna hitam dan abu - abu , 2 berwarna hitam , abu - abu , dan merah , serta 3 lain merupakan campuran dari beberapa warna pastel (Kaplan, 2009 dalam Paul, 2011). Rorschach menunjukkan satu persatu kad tersebut kepada pesakit dan meminta pesakit untuk memberikan keterangan mengenai apa yang mereka lihat dalam percikan tinta tersebut . Ujian ini mempunyai keterhadan yang sama dengan ujian proyektif lain, iaitu dalam pemberian markah atau skor. Penilaian yang diberikan bersifat subjektif. Walaupun usaha untuk melakukan piawaian terhadap pemberian skor telah dilakukan , namun masih banyak kajian yang menunjukkan bahawa ujian ini tidak mempunyai kesahihan yang baik , walaupun begitu , sampai saat ini ujian Rorschach masih tetap banyak dimanfaatkan terutamanya dalam seting klinikal (Exner , 1986 & Peterson , 1978 , dalam Kaplan 2009 dalam Paul, 2011).

Ujian proyektif lain yang juga sering digunakan iaitu TAT (Thematic Apperception Test) yang dibangunkan pada tahun 1935 oleh Christina Morgan dan Henry Murray dari Harvard University (Kaplan, 2009 dalam Paul, 2011). Ujian TAT lebih berstruktur dan tidak memiliki pemaknaan yang tidak jelas atau samar-samar seperti pada Ujian Rorschach. TAT terdiri daripada siri gambar yang menggambarkan beberapa adegan. Dalam TAT testee diminta untuk membuat sebuah cerita tentang gambar yang ditunjukkan, termasuk ramalan mengenai apa yang akan terjadi kemudian.

Penting untuk diperhatikan bahawa ujian proyektif, seperti halnya semua ujian personaliti, membuat andaian mengenai hakikat dari keperibadian dan perilaku. Ujian proyektif menganggap adanya pola dasar di dalam diri seseorang, dan pola ini muncul dalam bentuk tindakbalas terhadap rangsangan yang diterima oleh individu.

Edward Personal Preference Schedule (EPPS) merupakan inventori personaliti berstruktur pertama yang dibangunkan berdasarkan teori personaliti Henry Alexander Murray (1938). Teori ini mengandungi 15 pembolehubah personaliti individu, dan sudah pernah dikembangkan dalam ujian proyektif bernama Thematic Apperception Test (TAT) personaliti individu . Kerana merasa tidak puas dengan kesubjektifan ujian proyektif , maka pada tahun 1958 Allen L. Edwards dari University of Washington berusaha membangunkan sebuah inventori yang berstruktur dan objektif , maka disusunlah EPPS yang terdiri dari 210 pasang kenyataan . Inventori ini menggunakan format pilihan pernyataan tertutup , dimana testee diharuskan untuk memilih satu pernyataan yang paling sesuai dengan keperibadiannya, dari sepasang kenyataan yang diberikan . Bagi sebahagian testee format pilihan pernyataan di EPPS ini akan terasa aneh dan kurang selesa , kerana banyak memberikan pilihan - pilihan yang cukup sukar dan membingungkan , misalnya : saya suka meolong seorang nenek menyeberang.

3. Ujian Personaliti DAP

Draw A Person atau *Draw A Man* adalah sebuah inventori personaliti yang termasuk dalam ujian proyektif. Ujian DAP yang juga termasuk di dalam salah satu ujian grafik merupakan ujian yang menilai seseorang berdasarkan gambar yang dibuatnya. Ujian DAP (Draw A Person) bertujuan menilai karakter dan keperibadian seseorang dengan cara menganalisis lukisan yang dibuat oleh seseorang . Ujian *Draw A Person* ini adalah psikotes yang dibangunkan oleh Florence Goodenough pada tahun 1926 (Portalnesia, 2013) . Pada saat itu , ujian ini dikenal dengan istilah " Goodenough Draw a Man Test " . Kemudian Dr.Dale B.Harris menyempurnakan dan mengembangkan ujian ini pada tahun 1963 yang kemudian diberi nama " Goodenough - Harris Drawing Test " . Sampai saat ini , ujian ini dikenal dengan istilah DAP (Draw A Person Test) .

Arahan yang perlu dipatuhi pada ujian DAP adalah peserta harus menggambar manusia secara utuh dari kepala sampai kaki . Setelah selesai menggambar , peserta dikehendaki menuliskan usia yang dilukis , aktiviti yang dilakukan , sifat - sifat dan siapa orang yang dilukis . Jadi , peserta sebaiknya menggambar orang utuh dari hujung kepala sampai kaki dan memperhatikan detail mata , hidung , mulut dan telinga .

4. Metod Kajian

Kajian yang dijalankan merupakan kajian deskriptif dengan menggunakan ujian personaliti *Draw a Man or Draw a Person* iaitu sebuah ujian personaliti menggunakan lukisan manusia. Kajian ini diikuti seramai 27 responden lelaki yang termasuk kumpulan mat rempit. Daripada 27 responden tersebut terbahagi menjadi 1 orang mat rempit berkebangsaan China, dan 26 orang mat rempit berkebangsaan Melayu. Kajian ini dijalankan di Kolej Kediaman Pendeta Za'ba, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Responden diberi sebuah kertas putih ukuran A4, sebuah pensil 2B, dan mereka diminta untuk melukiskan manusia seperti yang mereka bayangkan. Selepas lukisan selesai, mereka diminta untuk menuliskan umur dan aktiviti yang sedang dilakukan oleh manusia yang mereka lukis. Masa untuk melukis adalah 15 minit.

Analisis dilakukan berdasarkan letak lukisan, bentuk lukisan, ketebalan garisan, aktiviti manusia yang dilukis, dan sebagainya. Setiap bahagian badan manusia memiliki erti dan makna khas seperti bahagian kepala memberi makna kognitif, perasaan, persepsi, perhatian dan pandangan terhadap dunia di luar dirinya, kesedaran diri, dan sebagainya. Badan atau *the self* merupakan bahagian yang paling rapat dengan manusia, dan kalau kita ikuti tahap perkembangan manusia dapat diketahui adanya hubungan yang rapat pelbagai sensasi, persepsi, dan emosi dengan organ badan manusia.

Interpretasi terhadap lukisan manusia yang dihasilkan identik dengan keadaan diri individu yang melukisnya.

5. Hasil Kajian

Hasil kajian penyelidikan ini dapat dibezakan menjadi TIGA(3) bahagian iaitu:

(1) Responden dengan tahap kepintaran yang rendah.

Responden yang tergolong dalam kategori ini seramai 5 responden dengan ciri-ciri sebagai berikut: berumur 17, 19, 22, dan 25 tahun (2 responden). Umur lukisan manusia yang dibuat bervariasi dan berdasarkan hasil analisis menunjukkan responden belum atau kurang memiliki kematangan emosi dan cara berikir, akibatnya responden kurang mampu mengawal emosinya. Responden juga merasa ditolak atau tidak diterima, kurangnya keyakinan diri, dan memiliki kecenderungan bersikap agresif verbal. Responden juga cenderung bersifat lemah dan memiliki kebergantungan kepada orang lain.

(2) Responden dengan lukisan tangan yang disembunyikan

Responden yang melukis manusia dengan tangan disembunyikan seramai 9 responden dengan umur sebagai berikut: 17 tahun (4 responden), 18 tahun (1 responden), 19 tahun (2 responden), 21 tahun (2 responden). Responden memiliki tahap kepintaran berada pada

paras normal atau sederhana. Sebahagian besar responden melukis manusia yang lebih tua daripada umurnya. Hal ini menunjukkan keinginan responden untuk menjadi matang atau dewasa. Walaupun responden menunjukkan keinginan untuk bersikap dan berfikir secara dewasa, akan tetapi mereka juga menunjukkan sikap kekanak-kanakan. Disisi lain, responden menunjukkan sifat kebergantungan dan menunjukkan wujudnya permasalahan dalam hubungan dengan orang lain.

(3) Responden dengan lain-lain lukisan

Responden dengan lain-lain lukisan ini seramai 13 responden dengan umur 14 tahun, 17 tahun (2 responden), 19 tahun (3 responden), 20 tahun, 21 tahun, 22 tahun (5 responden). Sebahagian besar responden memiliki tahap kepandaian pada paras normal atau sederhana. Sebahagian besar responden melukis manusia yang memiliki umur lebih tua daripada umur sebenar. Hal ini menunjukkan keinginan responden untuk menampilkan diri mereka sebagai manusia yang dewasa atau matang. Kebanyakan responden juga ingin menunjukkan sifat kejantanan (sifat-sifat kaum lelaki). Responden juga menunjukkan sifat kebergantungan, lemah, kurang keyakinan diri, dan kurangnya kemampuan mengawal emosi dan perilakunya (kecenderungan bersikap agresif).

Gambar 1. Lukisan Manusia Ujian DAP Kumpulan Mat Rempit



6. Kesimpulan

Hasil kajian personaliti mat rempit menggunakan ujian personaliti DAP mendapati bahawa mat rempit merupakan individu yang merasa ditolak atau tidak diterima oleh persekitarannya, dan individu yang ingin dipandang dewasa dan matang dari fikiran dan emosi. Walaupun pada kenyataannya mereka belum memiliki kemampuan mengawal emosi secara matang, sehingga seringkali terjadi perilaku yang bersifat agresif. Aksi-aksi yang dilakukan mat rempit merupakan manifestasi untuk menutupi kelemahan dan sifat kebergantungan mereka, dan keinginan mereka menunjukkan sifat “jantan” atau sifat seorang lelaki pemberani. Mat rempit ini memiliki sifat kurang percaya diri dan mudah goyah, ditambah dengan ketidakmatangan pola fikir dan emosinya, menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh individu lain untuk terlibat dalam aktiviti yang bersifat negatif.

Rujukan:

B andura, A. 1977. *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. Prentice-Hall

Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail, Mohamad Fauzi Sukimi. 2009. Sub Budaya Mat rempit dan Perubahan Sosiobudaya. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 5 issue 3 (26 - 43)

Pagelow, M.D. 1984. *Family Violence*. London: Eager Publisher

Paul Arjanto. 2011. Pengertian Tes Kepribadian. <http://paul-arjanto.blogspot.com/2011/12/personality-assessment-inventori.html>, 2 Mac 2014

Rozmi Ismail (2004) Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: Peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala ini. Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004. Pusat Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Oktober

Wikipedia. 2014. Mat Rempit. http://en.wikipedia.org/wiki/Mat_Rempit, buka: 7 Februari 2014